

14/10/1998

Acara Y2K terbesar di rantau ini

DIADAKAN serentak dengan Asean Telecom 98, Ekspo dan Forum Penyelesaian Y2K - Penyelesaian bagi Alaf Baru yang dikelolakan oleh Pasukan Projek Y2K Negara dan AMB Exhibitions Sdn Bhd adalah pameran telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT) yang terbesar di Malaysia tahun ini. Dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohammad, acara Y2K ini akan diadakan di Pusat Pameran The Mines, Seri Kembangan pada 3 hingga 6 November 1998.

Dengan hanya tinggal 443 hari ke 1-1-2000, pameran dan forum Y2K ini semestinya memberi peluang terbaik kepada organisasi yang besar mahupun kecil untuk mencari penyelesaian terkini bagi isu Y2K dari komputer peribadi (PC) sehinggalah ke alatan yang lebih besar dan canggih.

Dijangkakan 30 buah syarikat antarabangsa dan tempatan akan mengambil bahagian dalam pameran Y2K ini. Mereka akan mempamerkan berbagai penyelesaian Y2K termasuk produk sedia Y2K, alat perisian Y2K (Y2K software tools) dan perkhidmatan Y2K seperti perkhidmatan runding cara, perkhidmatan pemulihan dan sebagainya bagi pelbagai sektor. Di antara syarikat yang akan mengambil bahagian ialah IBM, Unisys, Sapura Advance Systems, JD Edwards dan Jen Consulting Services.

Sementara itu, pelawat berpeluang menimba pengalaman terus daripada pakar di sesi forum yang diadakan serentak dengan pameran. Forum dibahagikan mengikut enam sesi dan merangkumi sembilan sektor kritikal yang dikenal pasti Pasukan Projek Y2K Negara. Apa yang dimaksudkan dengan kritikal ialah sektor yang berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, enam sesi itu ialah:

1. Kerajaan
2. Kewangan dan Insurans
3. Utiliti (Telekomunikasi, Tenaga, Minyak dan Gas, dan Air dan Pembetulan)
4. Pembuatan, Industri Kecil dan Sederhana, dan Perdagangan
5. Pengangkutan
6. Kesihatan

Format forum disusun khas untuk memenuhi keperluan eksekutif yang mempunyai masa yang terhad. Setiap sesi mengambil masa setengah hari dan peserta dapat mengamati pengalaman dan penjelasan pakar industri daripada pelbagai negara. Setiap sesi diakhiri dengan perbincangan panel dan peserta dapat mengambil bahagian dengan bersoal-jawab dengan ahli panel.

Peserta forum dapat mendengar, menimba pengalaman dan berbincang dengan pakar industri yang terbabit secara langsung, khusus untuk industri mereka. Topik topik perbincangan di antaranya ialah Business Continuity Planning dan Legal Issues & Complications.

Pameran Y2K ini dijangka dapat menarik lebih daripada 10,000 trade visitors daripada segala sektor dan industri yang berkenaan. Penyertaan ke forum dijangka seramai 3,500 peserta.

Kehadiran ke pameran dan forum adalah percuma. Tiket ke pameran dan jemputan ke forum boleh didapati dengan menghubungi AMB Exhibitions Sdn Bhd di tel (03) 4454993, fax (03) 4454989 dan e-mel ambex@tm.net.my. Namun begitu, kepada pelawat pameran yang datang tanpa tiket boleh mendaftar di kaunter pendaftaran pada hari pameran.

Maklumat lanjut berkenaan pameran dan forum ini boleh didapati di laman web Y2K Malaysia di <http://www.y2k.gov.my>.

(END)

